



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**KEPIMPINAN INSTRUKSI DAN PENCERAPAN PENGAJARAN  
DI SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH HULU LANGAT**

**LEE CHONG NIM**

**FPP 1991 2**

**KEPIMPINAN INSTRUKSI DAN PENCERAPAN PENGAJARAN  
DI SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH HULU LANGAT**

Oleh

**LEE CHONG NIM**

**Tesis Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Sebahagian Daripada Keperluan Untuk Ijazah Master Sains  
Di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Pertanian Malaysia**

**JUN, 1991**



## PENGHARGAAN

Dalam menyempurnakan kajian ini, saya telah mengalami beberapa kesukaran, tetapi amnya, hal ini telah memberi keseronokan dalam proses pembelajaran dan penimbaan ilmu.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya sampaikan kepada Profesor Madya Dr. Nazaruddin b. Hj. Mohd. Jali selaku ketua penyelia, di atas segala galakan, tunjuk ajar, pandangan yang kritis serta bimbingan yang tidak putus-putus yang diberinya kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini. Tanpa bimbingan beliau itu, kajian ini tidak mungkin dapat diselesaikan.

Kepada Dr. Kamariah bt. Abu Bakar, Dr. Sharifah bt. Md. Nor selaku penyelia-penyalia bersama, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas pandangan, bimbingan dan kata-kata perangsang yang telah diberikan. Demikian juga terima kasih saya kepada Tuan Hj. Abdul Main b. Hj. Salimon kerana sudi menjadi penyelia saya buat seketika sebelum beliau melanjutkan pelajarannya.

Penghargaan khas saya tujukan Kepada Dr. Azizah bt. Abdul Rahman, Dr. Kalsom Faezah Mohamad, Tuan Haji Maulan b. D.Mokeri, Tuan Haji Adnan b. Kamis, Puan Engku Tik Azizah bt Engku Malek, En. Supian Mohamad Noor, dan En. Ali Haji Mahmood, kerana sudi memberikan pandangan dan menganggottai panel untuk menentukan kesahan soal selidik untuk kajian ini.

Seterusnya saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia kerana memberi peluang kepada saya untuk mengikuti program ijazah lanjutan, Bahagian Biasiswa yang telah membiayai pengajian saya, Universiti Pertanian Malaysia yang sudi memberikan bantuan kewangan bagi menampung sebahagian daripada perbelanjaan untuk kajian ini, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan kerana meluluskan penyelidikan ini dan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor Darul Ehsan yang telah membenarkan saya menjalankan kajian ini di sekolah-sekolah yang dipilih sebagai sampel.

Penghargaan dan ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada guru besar, pengetua serta guru sekolah rendah dan menengah yang telah sudi memberikan bantuan dan kerjasama kepada saya semasa menjalankan kajian ini.

Akhirnya, rakaman terima kasih ditujukan kepada isteri dan anak-anak saya di atas toleransi dan pengorbanan mereka semasa saya membuat kajian ini.

## **JADUAL KANDUNGAN**

	Muka surat
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	viii
SENARAI RAJAH .....	xii
ABSTRAK .....	xiii
ABSTRACT .....	xvii
 BAB	
I PENDAHULUAN .....	1
Pernyataan Masalah .....	3
Objektif Kajian .....	7
Soalan-Soalan Penyelidikan .....	9
Hipotesis-Hipotesis .....	11
Kepentingan Kajian .....	14
Andaian .....	15
Definisi Operasional .....	16
Batasan Kajian .....	19
II TINJAUAN KAJIAN YANG BERKAITAN .....	22
Peranan Guru Besar dan Pengetua Sekolah .....	22
Kepimpinan di Sekolah .....	26
Kepimpinan Instruksi .....	30
Penakrifan Matlamat Sekolah .....	34
Pengurusan Program-program Pengajaran .....	36
Pemupukan Iklim Pengajaran dan Pembelajaran ....	37

Persepsi Terhadap Kepimpinan Instruksi .....	39
Penyeliaan dan Pencerapan Pengajaran .....	43
Falsafah Penyeliaan dan Pencerapan .....	46
Reaksi Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran .....	51
Pendekatan Penyeliaan Pengajaran .....	54
Persepsi Guru Terhadap Penyeliaan Pengajaran .....	57
Kepuasan Guru Terhadap Kepimpinan Guru Besar dan Pengetua .....	59
Rangka Teoritis .....	66
 III METODOLOGI KAJIAN .....	72
Pendahuluan .....	72
Tempat Kajian .....	73
✓ Populasi, Sampel dan Persampelan .....	74
✓ Alat Kajian .....	78
Kesahan dan Kebolehpercayaan .....	83
Pembelahan-Pembelahan Bebas dan Pembelahan Bersandar .....	85
Tatacara Pengumpulan Data .....	86
Penganalisisan Data .....	87
 IV PENEMUAN DAN PERBINCANGAN .....	91
Sebaran dan Pulangan Soal Selidik .....	91
Profil Guru Besar dan Pengetua .....	92
Profil Guru .....	96

<b>Persepsi Guru Terhadap Kepimpinan Instruksi .....</b>	<b>101</b>
<b>Kekerapan Secara Keseluruhan .....</b>	<b>101</b>
<b>Kekerapan Mengikut Dimensi Kepimpinan Instruksi .....</b>	<b>103</b>
<b>Pemeringkatan Kekerapan Melakukan Fungsi-fungsi Kepimpinan Instruksi .....</b>	<b>113</b>
<b>Tahap Kepuasan Guru Terhadap Kepimpinan Instruksi .....</b>	<b>126</b>
<b>Tahap Kepuasan Guru Terhadap Kepimpinan Instruksi Secara Keseluruhan .....</b>	<b>126</b>
<b>Tahap Kepuasan Guru Terhadap Fungsi Individu Kepimpinan Instruksi .....</b>	<b>128</b>
<b>Tahap Kepuasan Guru Terhadap Fungsi-fungsi Kepimpinan Instruksi Mengikut Pemeringkatan ....</b>	<b>132</b>
<b>Persepsi Terhadap Pencerapan Pengajaran .....</b>	<b>135</b>
<b>Persepsi Terhadap Pencerapan Pengajaran Secara Keseluruhan .....</b>	<b>135</b>
<b>Persepsi Terhadap Aspek-aspek Pencerapan Pengajaran .....</b>	<b>137</b>
<b>Hubungan Tahap Kepuasan Terhadap Kepimpinan Instruksi dengan Pembolehubah-Pembolehubah Bebas .....</b>	<b>148</b>
<b>Ujian Hipotesis .....</b>	<b>158</b>
<b>v RUMUSAN DAN PENUTUP .....</b>	<b>174</b>
<b>Rumusan Penemuan-Penemuan .....</b>	<b>176</b>
<b>Keputusan Ujian-Ujian Hipotesis .....</b>	<b>182</b>
<b>Kesimpulan dan Cadangan .....</b>	<b>183</b>
<b>Cadangan untuk Kajian Akan Datang .....</b>	<b>191</b>
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>195</b>

## **LAMPIRAN**

<b>A</b>	<b>Senarai Ahli Panel Penyemak Kesahan Soal Selidik .....</b>	<b>205</b>
<b>B</b>	<b>Borang Soal Selidik .....</b>	<b>207</b>
<b>C</b>	<b>Peta .....</b>	<b>220</b>
<b>D</b>	<b>Surat Menyurat .....</b>	<b>223</b>
<b>E</b>	<b>Senarai Sekolah dalam Sampel Kajian .....</b>	<b>234</b>
<b>F</b>	<b>Borang Maklumat Guru Besar dan Pengetua .....</b>	<b>236</b>
<b>VITA</b>	<b>.....</b>	<b>237</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual	m.s.
1 Model-model Kepimpinan Instruksi .....	67
2 Taburan Sekolah Mengikut Jenis Dan Peratusan .....	75
3 Taburan Sekolah-sekolah Dalam Sampel Kajian Mengikut Jenis Dan Lokasi Sekolah .....	76
4 Taburan Guru-Guru Dalam Sampel Kajian Mengikut Peratusan Dan Jenis Sekolah .....	78
5 Pekali Kebolehpercayaan Alat Kajian .....	84
6 Sebaran Dan Pulangan Soal Selidik Daripada Responden Mengikut Jenis Sekolah .....	92
7 Taburan Guru Besar Dan Pengetua Mengikut Jantina Dan Lokasi Sekolah .....	93
8 Taburan Guru Besar Dan Pengetua Mengikut Pengalaman Mengajar .....	95
9 Taburan Guru Besar Dan Pengetua Mengikut Bilangan Tahun Sebagai Guru Besar Dan Pengetua .....	96
10 Taburan Guru-Guru Yang Menjadi Responden Mengikut Jantina Serta Jenis Dan Lokasi Sekolah .....	97
11 Taburan Responden Mengikut Kelulusan Akademik Dan Jenis Sekolah .....	98
12 Taburan Responden Mengikut Umur Dan Jenis Sekolah .....	99
13 Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar Dan Jenis Sekolah .....	100
14 Kekerapan Guru Besar Dan Pengetua Melakukan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Secara Keseluruhan .....	102
15 Min, Sisihan Piawai Dan Peratusan Daripada Skor Maksimum Bagi Fungsi-Fungsi Yang Dipersepsikan Dilakukan Oleh Guru Besar Mengikut Dimensi Kepimpinan Instruksi .....	105

16	Min, Sisihan Piawai Dan Peratusan Daripada Skor Maksimum Bagi Fungsi-Fungsi Yang Dipersepsikan Dilakukan Oleh Pengetua Mengikut Dimensi Kepimpinan Instruksi .....	107
17	Perbandingan Mengenai Kekerapan Guru Besar Dan Pengetua Melakukan Fungsi-Fungsi Dalam Setiap Dimensi Kepimpinan Instruksi Menurut Persepsi Guru-Guru .....	112
18	Pemeringkatan Kekerapan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Yang Dilakukan Oleh Guru Besar Menurut Persepsi Guru .....	114
19	Pemeringkatan Kekerapan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Yang Dilakukan Oleh Pengetua Menurut Persepsi Guru .....	117
20	Pemeringkatan Kekerapan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Yang Dilakukan oleh Guru Besar Sekolah Rendah Di Bandar Dan Luar Bandar Mengikut Persepsi Guru .....	118
21	Pemeringkatan Kekerapan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Yang Dilakukan Oleh Pengetua Sekolah Menengah Di Bandar Dan Luar Banda Mengikut Persepsi Guru .....	120
22	Perbandingan Mengenai Pemeringkatan Guru Terhadap Kekerapan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Yang Dipersepsikan Dilakukan Oleh Guru-Guru Besar Dan Pengetua Menurut Lokasi Sekolah .....	123
23	Tahap Kepuasan Guru Terhadap Kepimpinan Instruksi Secara Keseluruhan .....	127
24	Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Terhadap Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi ....	129
25	Tahap Kepuasan Guru Sekolah Menengah Terhadap Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi ....	131
26	Persepsi Guru Sekolah Terhadap Pencerapan Pengajaran Secara Keseluruhan Mengikut Jenis Dan Lokasi Sekolah .....	136
27	Persepsi Guru Sekolah Rendah Dan Menengah Terhadap Beberapa Aspek Pencerapan Pengajaran Dalam Bilik Darjah .....	137

28	Bilangan Dan Peratusan Guru Sekolah Rendah Dan Menengah Yang Dicerap Pada Tahun 1989 Mengikut Lokasi Sekolah .....	142
29	Bilangan Kali Pencerapan Yang Dilakukan Ke Atas Seseorang Guru Pada Tahun 1989 Mengikut Jenis Dan Lokasi Sekolah .....	144
30	Analisis Regresi Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Terhadap Kepimpinan Instruksi .....	152
31	Regresi Step-Wise: Pembolehubah-Pembolehubah Bebas Dan Tahap Kepuasan Guru Terhadap Kepimpinan Instruksi Guru Besar .....	154
32	Analisis Regresi Tahap Kepuasan Guru Sekolah Menengah Terhadap Kepimpinan Instruksi Pengetua .....	155
33	Regresi Step-Wise: Pembolehubah-Pembolehubah Bebas Dan Tahap Kepuasan Guru Terhadap Kepimpinan Instruksi Pengetua .....	157
34	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Antara Kekerapan Melakukan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi Dengan Pengalaman Sebagai Guru Besar/Pengetua, Dan Pengalaman Mengajar ....	159
35	Ujian t Terhadap Persepsi Guru Sekolah Rendah Di Bandar Dan Luar Bandar Mengenai Kekerapan Guru Besar Melakukan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi .....	161
36	Ujian t : Persepsi Guru Sekolah Menengah Di Bandar Dan Luar Bandar Mengenai Kekerapan Pengetua Melakukan Fungsi-Fungsi Kepimpinan Instruksi .....	162
37	ANOVA Satu Hala Untuk Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Terhadap Kepimpinan Instruksi Mengikut Umur .....	163
38	ANOVA Satu Hala Untuk Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Terhadap Kepimpinan Instruksi Mengikut Pengalaman Mengajar .....	164
39	ANOVA Satu Hala Untuk Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Terhadap Kepimpinan Instruksi Mengikut Gred Sekolah .....	165

40	<b>Ujian t: Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Di Bandar Dan Luar Bandar Mengenai Kepimpinan Instruksi Guru Besar .....</b>	165
41	<b>ANOVA Satu Hala Untuk Tahap Kepuasan Guru Sekolah Menengah Terhadap Kepimpinan Instruksi Mengikut Umur .....</b>	167
42	<b>ANOVA Satu Hala Untuk Tahap Kepuasan Guru Sekolah Menengah Terhadap Kepimpinan Instruksi Mengikut Pengalaman Mengajar .....</b>	167
43	<b>ANOVA Satu Hala Untuk Tahap Kepuasan Guru Sekolah Menengah Terhadap Kepimpinan Instruksi Mengikut Gred Sekolah .....</b>	168
44	<b>Ujian t : Tahap Kepuasan Guru Sekolah Menengah Di Bandar Dan Luar Bandar Mengenai Kepimpinan Instruksi Pengetua .....</b>	169
45	<b>Ujian t : Tahap Kepuasan Guru Sekolah Rendah Dan Guru Sekolah Menengah Mengenai Kepimpinan Instruksi .....</b>	170

**SENARAI RAJAH**

**Rajah**

**Muka surat**

1	<b>Rangka Teoritis .....</b>	<b>70</b>
---	------------------------------	-----------

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat  
Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi  
sebahagian daripada keperluan untuk Ijazah Master Sains.

**KEPIMPINAN INSTRUKSI DAN PENCERAPAN PENGAJARAN  
DI SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH HULU LANGAT**

Oleh

**LEE CHONG NIM**

**JUN, 1991**

**Ketua Penyelia : Prof.Madya Dr.Nazaruddin bin Hj.  
Mohd. Jali**

**Fakulti : Fakulti Pengajian Pendidikan**

Kepimpinan instruksi merupakan unsur teras kepimpinan pendidikan. Walaupun tanggungjawab utama guru ialah untuk menyampaikan pelajaran kepada murid, guru besar dan pengetua adalah bertanggungjawab tentang mutu program instruksi pada amnya dan keberkesanan pelaksanaan program Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) khasnya. Bagaimanapun, kajian mengenai kepimpinan instruksi guru besar dan pengetua masih kurang diusahakan di negara ini.

Kajian ini merupakan satu kajian penerokaan bertujuan untuk melihat persepsi guru-guru sekolah rendah dan menengah terhadap kekerapan fungsi-fungsi kepimpinan instruksi yang dilakukan oleh guru besar dan pengetua

mereka. Tinjauan juga dilakukan untuk melihat persepsi guru-guru mengenai pencerapan ke atas pengajaran guru dalam bilik darjah. Selain daripada itu, kajian ini menyelidiki tahap kepuasan guru terhadap kepimpinan instruksi guru besar dan pengetua mereka.

Sejumlah 401 orang guru dari 30 sekolah rendah dan 8 sekolah menengah dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan rawak kelompok berlapis daripada 69 buah sekolah yang mempunyai lebih daripada 1,900 orang guru dalam Daerah Hulu Langat di negeri Selangor Darul Ehsan. Setiap subjek dalam sampel diminta mengisi satu soal selidik yang ditadbir oleh pengkaji sendiri. Alat kajian tersebut dipadankan dari "The Principal Instructional Management Rating Scale" oleh Hallinger dan Murphy (1987).

Analisis data dibuat dengan menggunakan peratusan, penjadualan silang, ANOVA satu hala, korelasi Pearson dan regresi berganda 'step-wise'. Hasil daripada kajian ini menunjukkan peratusan kecil guru-guru mempersepsi guru besar dan pengetua mereka sebagai selalu melakukan fungsi-fungsi kepimpinan instruksi. Menurut persepsi guru, dua dimensi yang dilaksanakan oleh guru besar dan pengetua dengan kekerapan yang rendah ialah (i) pengurusan program-program pengajaran; dan (ii) pemupukan

iklim pengajaran dan pembelajaran. Dimensi yang dipersepsikan sebagai kerap dilakukan ialah dimensi penakrifan matlamat sekolah.

Dapatan juga menunjukkan peratusan kecil guru-guru berada pada tahap kepuasan yang tinggi terhadap kepimpinan instruksi guru besar dan pengetua mereka. Dari segi persepsi terhadap pencerapan pengajaran, adalah didapati hampir separuh daripada guru sekolah rendah dan lebih sedikit daripada separuh guru sekolah menengah tidak setuju atau kurang setuju dengan pencerapan pengajaran dalam bilik darjah. Analisis regresi berganda menunjukkan bahawa (i) persepsi guru-guru terhadap kekerapan guru besar atau pengetua melakukan fungsi-fungsi kepimpinan instruksi dan (ii) persepsi guru-guru terhadap pencerapan pengajaran dalam bilik darjah, mempunyai kesan positif yang signifikan ke atas tahap kepuasan guru-guru terhadap kepimpinan instruksi guru besar atau pengetua mereka.

Keputusan ujian hipotesis menunjukkan bahawa di sekolah rendah, terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengalaman guru besar mengajar dengan kekerapan melakukan fungsi-fungsi kepimpinan instruksi mengikut persepsi guru-guru. Bagaimanapun, pengalaman sebagai guru besar didapati mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan kekerapan guru besar melakukan fungsi-fungsi kepimpinan instruksi menurut persepsi guru-guru mereka.

Di sekolah menengah pula, adalah didapati bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara pengalaman sebagai pengetua dengan kekerapan melakukan fungsi-fungsi kepimpinan instruksi mengikut persepsi guru-guru. Ujian ANOVA satu hala menunjukkan bahawa guru-guru di sekolah-sekolah menengah yang berlainan gred mempunyai perbezaan yang signifikan dalam tahap kepuasan mereka terhadap kepimpinan instruksi pengetua.

Abstract of thesis submitted to the Senate of  
Universiti Pertanian Malaysia in partial fulfilment of  
the requirement for the degree of Master Of Science.

**INSTRUCTIONAL LEADERSHIP AND OBSERVATION OF  
TEACHING IN SCHOOLS IN THE DISTRICT OF HULU LANGAT**

By

**LEE CHONG NIM**

**JUNE, 1991**

**Major Supervisor: Dr. Nazaruddin Hj. Mohd. Jali.**

**Faculty: Faculty of Educational Studies**

Instructional leadership may be considered as the core element of educational leadership. Although it is recognized that teachers' primary responsibility is to provide instruction to students, headmasters and principals are responsible for the quality of instructional programme in school in general and the successful implementation of the New Primary School Curriculum (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) and the Integrated Secondary School Curriculum (Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah) in particular. However, the study of instructional leadership of headmasters and principals is still lacking in Malaysia.

The main purpose of the present study was to examine the frequency of instructional management functions and

practices performed by headmasters and principals, as perceived by teachers. The perception of teachers regarding instructional supervision as the main component of instructional management behaviour was determined. The study also explored the level of satisfaction of the teachers regarding the instructional leadership functions as performed by their headmasters and principals.

The sample of 401 teachers from 30 primary schools and 8 secondary schools was selected by using stratified cluster random sampling method from 69 schools employing more than 1900 teachers in the District of Hulu Langat, Selangor. Each subject in the sample was requested to complete a questionnaire administered personally by the researcher. The questionnaire was adapted from "The Principal Instructional Management Rating Scale" by Hallinger and Murphy (1987).

The data obtained were analyzed using percentage, crosstabulations, One-Way ANOVA, Pearson Product Moment Correlation and Step-Wise Multiple Regression. The results of the study revealed that a low percentage of primary and secondary school teachers perceived that their headmasters and principals frequently performed the various functions of instructional leadership. As perceived by the teachers, the two dimensions less frequently performed were (1) management

of instructional programme and (2) promoting teaching and learning climate in schools. Defining school goals was however perceived as a frequently performed dimension.

Results also revealed a low percentage of school teachers achieving a high level of satisfaction in the instructional leadership of their headmasters and principals. On observations of classroom teaching, it was found that almost half of the primary school teachers and slightly more than half of the secondary school teachers disagreed with the practice of having observations of classroom teaching.

Results of multiple regression analyses indicated that (i) teachers' perception regarding the frequency in the performance of instructional management functions and (ii) teachers' perception of classroom observation of teaching, were predictive of the level of teachers' satisfaction regarding instructional leadership. The study also revealed a positive relationship between teaching experience of headmasters and the frequency in performing the instructional leadership functions. However, experience as headmaster was found to have negative relationship with the frequency in performing the instructional leadership functions. For the principals, results indicated positive relationship between the number of years as principals and

the frequency in performing the instructional leadership functions. One-way ANOVA analyses indicated that teachers in secondary schools of different grades were significantly different in their level of satisfaction regarding the instructional leadership of the principals.

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Pengenalan**

Perkembangan yang pesat dalam bidang pendidikan di Malaysia menampakkan gelombang perubahan untuk menyesuaikan pendidikan dengan perubahan sosio ekonomi, kemajuan sains dan teknologi serta pembangunan tenaga manusia. Perubahan juga telah dibuat untuk memenuhi aspirasi national. Sejak kemerdekaan, pelbagai pembaharuan dan usaha yang gigih telah diadakan oleh Kementerian Pendidikan untuk mengemaskini sistem pendidikan khususnya bagi memupuk integrasi dan juga bagi menghadapi cabaran masa hadapan yang memerlukan sains dan teknologi. Antara pembaharuan-pembaharuan yang diperkenalkan itu, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah merupakan perkara yang amat signifikan dalam usaha untuk memperbaiki teori dan amalan pendidikan.

Pelaksanaan KBSR dan KBSM mempunyai matlamat untuk menghasilkan pelajar yang lebih berkualiti bagi memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan

kemakmuran masyarakat dan negara berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara (Kementerian Pendidikan, 1987a). Sesuai dengan matlamat untuk mencapai kecemerlangan dalam pendidikan, perubahan dan inovasi sebagai strategi telah dirancangkan. Perhatian utama telah diberikan kepada hakikat bahawa sebarang perubahan besar berorientasi kemajuan negara dalam jangka panjang mestilah bermula di sekolah. Ini kerana di sekolahlah asas-asas kognitif, afektif dan psikomotor seseorang individu itu mula dipupuk.

Untuk menjayakan program tersebut, kepimpinan profesional yang merangsangkan daripada guru besar dan pengetua merupakan faktor terpenting, bagi mendorong guru-guru mencapai matlamat program yang ditetapkan (Kamaruddin, 1989; Zaidatol, 1990).

Selaku pemimpin di peringkat pelaksanaan, guru besar dan pengetua adalah dikehendaki mengambil langkah yang berkesan agar sebarang kekangan dan kelemahan dalam pengurusan kurikulum di sekolah dapat diatasi. Guru besar dan pengetua perlu memupuk pengajaran dan pembelajaran dengan merealisasikan peranannya sebagai pemimpin instruksi (Instructional Leader). Ini dapat dilakukan oleh mereka dengan menumpukan masa mereka kepada usaha memperkembangkan program-program pengajaran, mengawasi pelaksanaan program-program kurikulum dan kokurikulum, mengunjungi bilik-bilik darjah dan berbincang dengan guru tentang cara-cara

memperbaiki pengajaran di sekolah masing-masing (Anderson, 1987).

Dalam pelaksanaan program KBSR dan KBSM, tugas guru serta guru besar dan pengetua semakin mencabar. Guru tidak lagi bertindak sebagai pemberi pengetahuan sepanjang masa, tetapi lebih merupakan penggalak pembelajaran murid (Kementerian Pendidikan, 1982). Di samping itu, nilai-nilai murni disisipkan melalui semua mata pelajaran (Wan Zahid, 1988). Oleh yang demikian, guru adalah dikehendaki memastikan penerapan nilai-nilai yang murni secara merentasi kurikulum dilakukan melalui pengajaran mereka. Ini bermakna tanggungjawab dan beban guru semakin bertambah berat. Guru-guru perlu lebih kreatif dan inovatif. Dalam menjalankan tugas mengajar, mereka memerlukan lebih bimbingan, nasihat, bantuan, sokongan dan dorongan daripada guru besar dan pengetua yang bertanggungjawab untuk mewujudkan iklim pengajaran dan pembelajaran yang berkesan di sekolah. Dengan kata lain, kepimpinan instruksi yang dapat dikesan daripada tingkah laku guru besar dan pengetua dalam pengurusan instruksi merupakan faktor yang kritis bagi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di sekolah, khususnya dalam konteks pelaksanaan KBSR dan KBSM.

### **Pernyataan Masalah**

KBSR dan KBSM lebih merupakan inovasi daripada perubahan dalam kurikulum di Malaysia. Inovasi bererti

memperkenalkan sesuatu yang baru secara total. Harris dan Martin (1975) menyatakan inovasi adalah proses yang disengajakan sedangkan perubahan merupakan proses yang juga mengambil kira unsur-unsur yang tidak disengajakan. Inovasi diadakan untuk memperbaiki keadaan dan mengubah amalan-amalan semasa yang mempunyai kelemahan-kelemahan tertentu. Pengenalan KBSR dan KBSM selain daripada menyamakan peluang pendidikan serta menghapuskan perbezaan prestasi pelajar antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar, adalah bertujuan untuk mengatasi beberapa kelemahan yang lain, antaranya ialah (a) kelemahan murid-murid menguasai kemahiran asas dalam 3M iaitu membaca, menulis dan mengira di peringkat sekolah rendah, dan, (b) kelemahan menerap nilai-nilai murni dalam kurikulum lama sekolah rendah dan menengah.

Seperti juga pelaksanaan inovasi yang lain dalam sistem sosial, pelaksanaan KBSR dan KBSM menghadapi beberapa masalah dan rintangan. Masalah-masalah itu termasuk:

- i. Guru menentang pembaharuan kerana mementingkan status quo iaitu kestabilan. Argyle (1967) menyatakan bahawa ahli-ahli dalam organisasi merasa risau kerana inovasi atau perubahan yang membawa pembaharuan dikatakan akan mendatangkan keburukan kepada mereka.